

Kolam takungan tanggungjawab JPS

KAJANG – Percanggahan yang wujud antara PBT dan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) berhubung agensi mana yang bertanggungjawab dalam penyelenggaraan kolam takungan berakhir apabila kerajaan negeri memutuskan ia perlu diselenggara JPS.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM80 juta kepada agensi tersebut tahun ini bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan kolam takungan.

Menurutnya, menerusi langkah itu, pihaknya percaya dapat menyelesaikan masalah banjir bukan sahaja di Kajang tetapi juga di Klang, Shah Alam serta daerah lain.

“Itu antara langkah diambil bagi mengelak kejadian berulang di beberapa kawasan berisiko,” katanya.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM5 juta diluluskan kerajaan negeri bagi menaik taraf Sungai Jelok sebagai projek mitigasi

banjir Kajang.

Banjir katanya, dianggap masalah besar oleh peniaga di sekitar pekan Kajang selama beberapa tahun kebelakangan ini.

Setiap kali hujan lebat akan berlaku banjir kilat sekali gus mengakibatkan kesusahan kepada peniaga dan penduduk sekitar Kajang.

“Projek mitigasi ini berjalan baik, Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ada hubungi saya dan beritahu Kajang tidak lagi berdepan masalah banjir selepas projek ini dilaksanakan,” katanya.

Mohamed Azmin berkata, adalah menjadi matlamatnya menyelesaikan masalah banjir di Kajang dan negeri Selangor keseluruhannya.

Beliau turut berharap tiada lagi kejadian banjir berulang tahun ini selepas penyelenggaraan kolam takungan diletakkan bawah tanggungjawab JPS.